

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Selasa, 17 November 2020 9:34 pg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Kumpulan Ko-K Holistik Ungguli KIK Terbuka UUM 2020



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

17 NOVEMBER 2020 / 1 RABIULAKHIR 1442H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Media, UUM Corporate Communication
Gambar oleh: Pusat Kokurikulum

KUMPULAN KO-K HOLISTIK UNGGULI KIK TERBUKA UUM 2020



UUM ONLINE: Bukan sahaja bergelar juara keseluruhan, Kumpulan Ko-K Holistik dari Pusat Kokurikulum turut membolot Anugerah Fasilitator Terbaik dan Persembahan Terbaik pada Pertandingan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Terbuka UUM 2020 Ke Arah Kelestarian UUM Norma Baharu Secara Online, baru-baru ini.

Ketua pasukan, Saiful Amir Kidam berkata, pasukannya mempertaruhkan projek 'Fungsi Manual Pengguna Sistem SKLK' yang dibangunkan bertujuan untuk menjimatkan masa, kos dan tenaga kerja serta mempercepatkan urusan kelulusan permohonan Kegiatan Luar Kuliah pelajar kokurikulum.

Menurutnya, mereka mengambil masa selama 1 tahun 5 bulan untuk menyiapkan projek tersebut sebelum ia dapat dipertontonkan pada Pertandingan Konvensyen KIK Terbuka UUM tahun ini.

Katanya, dia gembira dan bersyukur dengan hasil usaha bersama ahli kumpulan yang telah bertungkus lumus untuk menjayakan projek sehingga memperolehi kejayaan yang cemerlang.

“Saya berterima kasih di atas komitmen diberikan semua ahli pasukan, selain mendapat sokongan Pengarah Pusat Kokurikulum yang banyak membantu sehingga kami bukan sahaja bergelar juara, malah berjaya merangkul dua anugerah utama lain.

“Sebagai persediaan mewakili UUM ke peringkat seterusnya, Kumpulan Ko-K Holistik akan memperkemas dokumen-dokumen hasil dari komen pihak juri serta memantapkan lagi persembahan kumpulan,” katanya.

Kumpulan Ko-K Holistik turut dianggotai Mohd Ilyas Soffian, Firdiana Abdull Rahman @ Faisol, Ts. Fazillah Mohmad Kamal, Noor Hayati Samsudin, Mohd Farid Fadly Mohammad Fuad dan Samsuri Abdul Razak.

Sementara itu, Pengarah Pusat Kokurikulum, Prof. Madya Dr. Hussin Abdullah mengucapkan tahniah kepada semua ahli kumpulan Ko-K Holistik kerana berjaya mengharumkan nama Pusat Kokurikulum dengan kemenangan tersebut.

Menurutnya, kejayaan itu adalah hasil kerjasama semua yang terlibat dari segi idea, tenaga serta semangat kerja berpasukan.

Katanya, kemenangan itu merupakan kejayaan kali ketiga Pusat Kokurikulum sepanjang tiga kali penyertaan dalam Pertandingan KIK anjuran Institut Pengurusan Kualiti (IPQ).

Pertandingan Konvensyen KIK Terbuka UUM 2020 Ke Arah Kelestarian UUM Norma Baharu Secara Online anjuran IPQ telah menyaksikan 10 kumpulan mewakili jabatan masing-masing mempersembahkan inovasi pengurusan dan teknikal.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.